

14/07/2002

Pertarungan antara dua rakan

Johari Ibrahim; Faiza Zainuddin

DI LUAR parti, Datuk Zakaria Said dan Amiruddin Hamzah adalah rakan baik. Namun, perjuangan parti masing-masing adalah berbeza. Dalam pilihan raya kecil Anak Bukit, Khamis ini, Zakaria sebagai calon BN akan menentang Amiruddin daripada Pas bagi merebut kerusi DUN itu yang dikosongkan oleh Datuk Fadzil Noor. Zakaria yang bertanding buat kali kelima ini, adalah pemimpin berpengalaman Umno, pernah menjadi Adun dan Ahli Exco Kerajaan Negeri. Bekas guru ini juga bekas Ahli Parlimen Kuala Kedah. Sementara Amiruddin yang berasal dari Kuala Kedah adalah anak bekas Setiausaha Umno Kuala Kedah. Pilihan raya ini adalah yang kedua bagi bekas jurutera Lembaga Kemajuan Wilayah Kedah (Mada) ini selepas tewas di Parlimen Langkawi pada 1999. Wartawan Berita Minggu JOHARI IBRAHIM dan FAIZA ZAINUDDIN menemubual mereka untuk meninjau pendapat mengenai peluang dan wawasan menjelang hari mengundi, Khamis ini.

APA KATA DATUK ZAKARIA SAID (BN)

BAGAIMANA Datuk melihat peluang untuk memenangi pilihan raya kecil ini? Apakah faktor untuk menjamin kemenangan?.

Pembangunan dalam kawasan Anak Bukit adalah faktor utama yang mana rakyat dapat melihat jelas hasrat Menteri Besar (Datuk Seri Syed Razak Syed Zain) mahu membangunkan Anak Bukit mirip Putrajaya. Kedua, semangat dan sokongan padu ahli BN dan rata-rata pengundi atas pagar mahu supaya kawasan ini diwakili semula oleh BN dan mungkin pengundi akan memberi hadiah kepada Perdana Menteri (Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad) yang akan bersara dan menyatakan sokongan kepada Timbalan Perdana Menteri (Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi) yang bakal mengambil alih kuasa ketika parti dan kerajaan dalam keadaan stabil.

Apakah formula dan cara parti Datuk supaya pengundi memilih Datuk?

Pemilihan saya sebagai calon dicadangkan oleh Menteri Besar selaku Pengerusi BN Negeri dan dipersetujui oleh pucuk pimpinan parti peringkat kebangsaan. Ini amalan biasa.

Bagaimana Datuk melihat lawan Datuk pada pilihan raya kecil ini? Apakah kelebihan Datuk dan parti berbanding lawan?

Saya tidak mahu memperlekehkan calon yang menentang saya kerana masing-masing mempunyai kelebihan, tetapi saya mempunyai pengalaman sebagai ahli Exco dan Ahli Parlimen selama 17 tahun sedangkan lawan saya baru peringkat mencuba bagi kali kedua.

Apa pula isu yang Datuk dan parti gunakan untuk memenangi hati pengundi?

Jika saya dipilih kali ini, saya akan berkhidmat sebaik mungkin, Insya-Allah untuk kepentingan negara, bangsa dan agama. Ia menjadi keutamaan BN. Kita sentiasa mengamalkan perpaduan semua kaum, kestabilan negara, pembangunan bandar dan luar bandar menjadi fokus kita selama ini.

Bagaimana Datuk melihat hukum hudud yang menjadi salah satu isu dalam pilihan raya kali ini?

Seboleh-bolehnya soal hudud ini diselesaikan oleh ulama, bukan di medan politik kerana sesuatu petua dan hukum hendaklah dibincang oleh ahli yang mengetahuinya. Apabila dibincang dalam politik, ia akan menjadi hudud politik.

Datuk bertanding di kawasan yang pernah diwakili Presiden Pas, Datuk Fadzil Noor. Bagaimana Datuk melihat perkara ini berikutan ketokohan Allahyarham sebagai Presiden Pas?

Kawasan Anak Bukit bukan baru bagi saya. Pada 1982, saya memenangi kawasan ini menumpaskan calon Pas. Sebagai Ahli Parlimen Kuala Kedah,

kawasan ini juga merangkumi dalamnya di mana calon Pas ketika itu Allahyarham Fadzil, saya telah memenangi dengan kelebihan hampir 3,000 undi. Saya difahamkan, apabila Fadzil menjadi Adun dalam pilihan raya umum 1999, pengundi mulai sedar kerana kepentingan mereka terabai dan ketokohan Allahyarham mulai merosot. Allahyarham adalah rakan baik saya. Kami bersama lebih 12 tahun sebagai Adun. Beliau ketika itu adalah Adun Bukit Raya. Ketokohnya meningkat apabila menjadi Ahli Parlimen Pendang dan Ketua Pembangkang di Parlimen. Sebelum itu, beliau saya anggap seperti ahli pembangkang biasa walaupun Presiden Pas.

Apa pandangan Datuk berhubung kempen Pas mengenai isu simpati kematian Allahyarham bagi menagih simpati pengundi?

Saya fikir dengan kematian beliau tidak mempengaruhi pengundi. Jika isu ini digunakan Pas, saya amat dukacita kerana politik dan kematian adalah berbeza. Yang meninggal dunia kita berdoa agar Allahyarham diletakkan di tempat yang mulia oleh Allah dan nama beliau tidak patut dijaja dalam kempen pilihan raya untuk meminta simpati kerana beliau sudah tidak ada lagi, segala perjuangannya menjadi sejarah.

Pilihan raya ini dikatakan menjadi medan ujian bagi Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi sebagai bakal Presiden Umno dan Perdana Menteri serta Datuk Seri Abdul Hadi Awang sebagai Presiden Pas. Apa pandangan Datuk?

Pilihan raya di kedua-dua kawasan di Kedah tidak boleh dianggap keputusan yang menjejaskan ketokohan Timbalan Perdana Menteri yang bakal menjadi Perdana Menteri. Kalau Pas tidak berjaya bukan bermakna Haji Hadi tidak layak menjadi Presiden Pas kerana yang menentukan kepimpinan sesuatu parti ialah keyakinan ahlinya. Bagi BN, jika rakyat menilai sendiri kepentingan, mereka sentiasa akan memberi sokongan kepada BN.

Bagaimana pula pandangan mengenai hasrat BN dan Umno untuk memberi hadiah kemenangan BN sebagai hadiah perpisahan kepada Perdana Menteri?

Perdana Menteri adalah orang Kedah. Berkhidmat lebih 21 tahun sebagai Perdana Menteri dan berhasrat untuk bersara. Secara kebetulan pilihan raya kecil Parlimen dan DUN diadakan di Kedah. Adalah molekul sekiranya keputusan pilihan raya kerusi kedua-dua kawasan ini berpihak kepada BN. Sudah tentu Perdana Menteri sendiri akan menganggap ini sebagai hadiah kerana kerusi yang dimenangi oleh BN adalah pusaka peninggalan Presiden Pas.

Dalam ayat yang ringkas, apakah pesanan Datuk kepada pengundi?

Saya suka mengingatkan pengundi BN dalam pilihan raya kecil Parlimen Pendang dan DUN Anak Bukit, kita juga mudah dipengaruhi oleh perasaan tetapi segala keputusan yang dibuat hendaklah berdasarkan kepada realiti. Sepanjang pemerintahan BN, negara banyak berubah, rakyat mendapat pelbagai kesenangan dan kemudahan. Jangan jadi seperti kata pepatah 'panas sepanjang tahun dihapuskan oleh hujan sehari'. Ingatlah silap memberi undi